

# PM tegur pemimpin negeri Usah sekat

B.M. 16 APR 1993

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

MELAKA, Khamis — Perdana Menteri melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin setengah negeri yang bersikap menolak usaha membawa masuk pelaburan dan mengenakan pelbagai tekanan terhadap pelabur di negeri mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin negeri berkenaan perlu mengubah sikap dan mengamalkan kepemimpinan dinamik jika mahu penduduk negeri menikmati peningkatan ekonomi.

“Ada sesetengah pemimpin di Malaysia yang bukan saja tidak berusaha mendapatkan pelabur malah kadangkala menolak kalau ada pelaburan dibawa ke negeri mereka. Saya tidak perlu menyebut negeri ini tetapi keadaan ini memang wujud.

“Mereka mengenakan tekanan dan pelbagai syarat mengenai pengambilan pekerja, mesti memberi kontrak kepada orang tempatan kononnya untuk mendapat faedah maksimum,” katanya.

Malah, kata Dr Mahathir, ada kejadian berlaku rusuhan kerana kononnya pelabur tidak mengambil orang tempatan sebagai pekerja.

Berucap kepada kira-kira 1,000 penduduk yang menghadiri majlis perasmian Ayer Keroh dVillage Resort, di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata, jika ada pemimpin negeri Barisan Na-

sional (BN) bersikap demikian, mereka harus mengubah sikap.

“Jika sikap ini ada pada pemimpin BN, kita beri nasihat supaya lebih melayan pelabur, jangan kenakan denda kalau mereka ada salah, cari jalan untuk perbetulkan.

“Dari satu sudut ini mungkin membuktikan kepemimpinan itu mengutamakan penduduk tempatan tetapi sebenarnya tidak demikian. Kalau mereka tidak memberikan layanan baik kepada pelabur, mereka tidak mahu datang,” katanya.

Dr Mahathir memuji kepemimpinan Melaka yang disifatkan sebagai dinamik dan tidak menimbulkan masalah.

“Tidak ada lagi pengangguran di Melaka malah saya diberitahu pekerja luar terpaksa diambil. Ini kerana layanan baik yang diherikan kepada pelabur,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu pengusaha Melayu mengambil inisiatif membangunkan tanah rizab Melayu.

“Tanah rizab Melayu lebih murah dan sepatutnya lebih mudah dibangunkan. Oleh kerana neneusaha Melayu tidak mempunyai modal yang cukup, mereka menghadapi masalah membangunkan tanah ini.

“Tetapi kerap kali apabila mereka mempunyai modal yang dipinjam dari bank, mereka tidak menggunakannya untuk membangunkan perniagaan. Sikap mereka ini yang enggan membayar balik pinjaman menyusahkan bukan saja diri mereka, orang lain sukar mendapatkan kepercayaan untuk membuat pinjaman,” katanya.

pelabur